

Umno jadikan agama simbol perpaduan

BH

7 FEB 2000

KUANTAN, Ahad – Umno tidak pernah menjadikan agama sebagai alat untuk memecahbelahkan masyarakat seperti yang dilakukan pembangkang, sebaliknya agama dijadikan simbol perpaduan, kebanggaan, kejayaan dalam pelbagai bidang, sekali gus menyatupadukan semua ahli masyarakat.

Berikutan itu, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihaknya sedia membantu kerajaan menangkis fatwa yang dikeluarkan Pas kerana ia bertentangan dengan akidah Islam.

Oleh itu, beliau berkata, penyelewengan ajaran Islam yang dilakukan Pas perlu didedahkan kepada umum.

Katanya, Wanita kini menunggu maklumat yang dikumpulkan Umno, bagi membolehkan program yang dilaksanakan kelak, selari dengan usaha dilakukan kerajaan dan parti.

Beliau yang juga Menteri

Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat berkata, beberapa kumpulan di peringkat cawangan dan bahagian yang boleh memberi penjelasan secara konsisten berhubung aspek tertentu yang bercanggah dengan ajaran Islam sedang dikenal pasti untuk menjalankan program itu.

Menurutnya, program keagamaan akan terus ditingkatkan selain majlis ceramah dan penerangan di seluruh negara dan cara itu, mampu merapatkan jurang di kalangan masyarakat dan mengukuhkan perpaduan.

“Kita tahu taktik yang kerap digunakan pembangkang untuk menarik perhatian masyarakat ialah isu agama tetapi mereka menyalahgunakan ajaran agama sehingga memecahbelahkan akidah dan perpaduan rakyat.

“Keadaan itu berbeza dengan Umno kerana kita menjadikan agama sebagai pegangan, simbol, kebanggaan ter-

hadap pencapaian cemerlang dalam semua aspek, termasuk pendidikan, malah ia kaedah paling sesuai untuk menyatupadukan masyarakat.

“Jadi, tindakan kerajaan mendedahkan ajaran bertentangan yang dibawa parti lawan adalah wajar dan sudah tiba masanya kita berbuat demikian kerana kerajaan mempunyai jabatan agama yang berkesan dan mereka yang terlatih dan arif dalam bidang itu,” katanya selepas mengadakan perjumpaan dengan semua ketua Wanita Umno bahagian dan cawangan Paya Besar, di sini hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam kenyataannya, semalam, berkata Umno akan membuktikan beberapa fatwa yang dikeluarkan Pas, adalah bertentangan dengan akidah Islam.

Perdana Menteri berkata, Umno kini mengumpulkan maklumat perlu dan akan mengemukakan bukti apabila

proses itu selesai nanti.

Sementara itu, diminta mengulas kenyataan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berhubung hasratnya bertanding Ketua Wanita untuk mengukuhkan pergerakan itu, Siti Zaharah berkata ahli Wanita sudah matang untuk membuat penilaian.

“Paling penting, saya mahu perjuangan Wanita terus menunjukkan kematangan dan kita akan mempertahankan perjuangan parti, mengukuhkan parti untuk kepentingan masa depan bangsa dan negara.

“Wanita juga mendokong kepemimpinan induk untuk memastikan kestabilan parti kerana kita yakin kestabilan parti adalah kunci kepada kestabilan masyarakat, negara dan kekuatan pemerintahan,” katanya.

Beliau berkata, perwakilan mempunyai hak untuk memilih ketua yang mereka

kehendaki, sekali gus menentukan corak kepemimpinan masa depan yang menjurus kepada memastikan parti dan bangsa dipelihara.

“Saya yakin kematangan perwakilan dan hak penentuan pemilihan Ketua Wanita adalah hak mereka kerana mereka tahu apa yang diperlukan dalam kepemimpinan masa depan.

“Bagi saya, cabaran seperti ini ada kebaikannya kerana di alaf baru, dugaan dihadapi semakin kuat dan pemimpin di semua peringkat perlu menghadapi cabaran getir ini untuk mengukuhkan ketahanan diri,” katanya.